

# **Strategi Kelangsungan Hidup Pekerja Asing Warga Indonesia dan Impak Sosial Kehadiran Mereka di Sabah**

Oleh:

Syed Abdul Razak Bin Sayed Mahadi  
(University Malaya, Malaysia)

Prof. Graeme Hugo  
Dr. Dianne Rudd  
(University of Adelaide, Australia)

# ISI KANDUNGAN

- **Pengenalan**
- **Sabah Sepintas Lalu: Indikator demografi, sosial & ekonomi**
- **Penduduk Warga Asing di Sabah**
- **Metodologi**
- **Strategi Kelangsungan Hidup Pekerja Warga Asing Indonesia:**
  - Jaringan Kekeluargaan
  - Pertempatan Warga Asing
  - Adaptasi dan Asimilasi Budaya
  - Kelangsungan Ekonomi
  - Penglibatan dalam Institusi Sosial dan Politik
- **Impak ke atas Perkhidmatan**
  - Perkhidmatan Kesihatan
  - Pendidikan
- **Isu dan Cabaran**
- **Kesimpulan**

# Pengenalan

- Sabah yang merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia sedang menghadapi cabaran terbesar dalam menguruskan sumber sumbernya yang berharga untuk pembangunan dan pertumbuhan ekonomi.
- Usaha kerajaan negeri membangunkan sektor pertanian, pelancongan dan pembuatan membantu mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan keperluan tenaga kerja.

- Pertumbuhan pesat dalam sektor pertanian, pelanconga, pembuatan membuka peluang pekerjaan terutamanya untuk pekerja berkemahiran rendah dan sederhana.
- Namun begitu, penduduk tempatan yang sedang mengalami proses pembaikan dalam kualiti hidup melalui peningkatan pendidikan mula memilih kerjaya.
- Oleh yang demikian pengambilan pekerja warga asing berkemahiran rendah merupakan langkah jangka masa pendek untuk memastikan penerusan eksport Sabah yang berorientasikan ekonomi agro.

# Jadual1: Sabah Sepintas Lalu: Indikator Demografi, Sosial & Ekonomi

Sumber: Banci penduduk dan Perumahan Malaysia, 2010

Unit Perancangan Ekonomi, Malaysia 2011

Ringkasan Statistik Utama	Malaysia	Sabah
Keluasan (kilometer persegi)	330,803	73,631
<b>Jumlah Populasi (2010)</b>	28,334,135	3,2067,42
Kadar Pertumbuhan Penduduk (%)	2.0	2.1
<b>Kewarganegaraan (%) (2010)</b> warganegara	91.8	72.3
Bukan warganegara	8.2	27.7
<b>Gross Domestic Product (GDP) (2010)</b>		
GDP pada kadar sekarang (RM Million)	765,966	17,242
Pertumbuhan GDP (%) setahun	7.2	2.4
<b>Employment (2010)</b> Tenaga kerja ('000)	11,517.2	1,371
Kadar penglibatan tenaga kerja 2010 (%)	62.7	64.5
Employment dalam pertanian 2010 ('000)	1,475.1	416.0
Employment dalam pembuatan 2010 ('000)	1,879.7	104.8
Employment dalam pembinaan 2010 ('000)	1019.0	100.8


# Jadual 2: Populasi Warga Asing di Sabah

Sumber: Jabatan Statistik Sabah, 1991-2010

Kawasan Pentadbiran (Divisyen)	1991		2000		2010	
	Rakyat M'sia	Bukan Rakyat M'sia	Rakyat M'sia	Bukan Rakyat M'sia	Rakyat M'sia	Bukan Rakyat M'sia
Divisyen Pedalaman	253,497 (85.7%)	36,290 (14.3%)	311,244 (84.0%)	59,394 (16.0%)	364,600 (85.9%)	59,934 (14.1%)
Divisyen Pantai Barat	527,201 (88.5%)	60,891 (11.5%)	737,868 (88.2%)	98,630 (11.8%)	892,457 (83.6%)	175,132 (16.4%)
Divisyen Kudat	123,034 (95.9%)	5,083 (4.1%)	160,140 (94.8%)	8,761 (5.2%)	180,733 (93.9%)	11,724 (6.1%)
Divisyen Sandakan	336,428 (64.7%)	118,609 (35.3%)	351,416 (61.5%)	220,056 (38.5%)	380,554 (54.2%)	321,653 (45.8%)
Divisyen Tawau	493,979 (58.3%)	206,128 (41.7%)	427,993 (65.2%)	227,983 (34.8%)	498,619 (60.8%)	321,336 (39.2%)
Negeri Sabah	1,734,685 (74.5%)	425,175 (24.5%)	1,988,661 (76.4%)	614,824 (23.6%)	2,316,963 (72.3%)	889,779 (27.7%)


# Rajah 1: Taburan Populasi Warga Asing (000') Mengikut Divisyen 1991 dan Aliran Masuk Migran ke Sabah

Sumber: Disesuaikan dari data Jabatan Statistik Sabah 1991



# Rajah 1: Taburan Populasi Warga Asing (000') Mengikut Divisyen 2010 dan Aliran Masuk Migran ke Sabah

Sumber: Disesuaikan dari data Jabatan Statistik Sabah 2010





- Pengambilan pekerja asing terutamanya daripada Indonesia secara berterusan terdapat dalam banyak sumber:
  - Pada tahun 1997, Pasukan Khas Persekutuan merekodkan sebanyak 71.2% (294,704) pekerja Indonesia dan dependen yang berdaftar. Sementara itu pekerja Filipina dan dependen sebanyak 28.8% (119,128) (Johari & Goddos, 2003,ms.55).
  - Pada tahun 2000, pekerja warga Indonesia merupakan kumpulan terbesar pekerja asing merangkumi 83.5% keseluruhan migran, sementara selebihnya adalah warga Filipina (Unit Rekod dan Pemantauan, Jabatan Imigresen Malaysia, Sabah, 2000)
  - Kementerian Industri Perladangan dan Komoditi menganggarkan seramai lebih kurang 89.4% (57,424) pekerja asing bekerja di ladang kelapa sawit. Hanya 10.6% merupakan penduduk tempatan (Penyata rasmi, Dewan Rakyat, 7 Sept 2004, ms.130)
  - Dalam kajian tentang pengurusan pekerja asing di Sabah, Gatidis (2004,p.27) melaporkan bahawa pada tahun 2003 sebuah syarikat perladangan kelapa sawit yang besar, Sawit Kinabalu Berhad menggajikan 98% pekerja Indonesia dan sebilangan kecil pekerja Filipina (2%).
  - Pada tahun 2008, sebanyak 93.5% (149,659) pas kerja sementara telah dikeluarkan untuk pekerja Indonesia dan selebihnya kepada pekerja Filipina (Jabatan Imigresen dan Pendaftaran, Putrajaya 2009).

## **Metodologi: Kajian Strategi Kelangsungan Hidup Pekerja Asing Warga Indonesia dan Impak Sosial Kehadiran Mereka di Sabah**

- Satu survey yang melibatkan 896 pekerja Indonesia daripada 5 sektor: perladangan, pembinaan, pembuatan, perkhidmatan dan informal di Divisyen Tawau telah dijalankan pada tahun 2010 dengan kerjasama dan kolaborasi bersama LPPKN.
- Data primer juga diperolehi daripada in-depth interview di kalangan pekerja Indonesia yang sah dan tidak sah dan kaedah pemerhatian.
- Data sekunder diperolehi daripada beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Imigresen, Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Statistik, Jabatan Kesihatan and Jabatan Pendidikan Sabah.
- In-depth interview telah dijalankan ke atas beberapa pegawai kerajaan yang terlibat secara langsung dengan pengurusan dan pengambilan pekerja asing.

# Strategi Kelangsungan Hidup


- Migran menggunakan beberapa strategi kelangsungan hidup untuk meneruskan kehidupan di negara destinasi dan mencapai kejayaan migrasi. Berikut adalah 5 strategi kelangsungan hidup yang dikenalpasti dalam kajian ini:
  - i. Jaringan kekeluargaan dilihat sebagai strategi yang paling penting terutamanya ketika dalam fasa sebelum dan semasa migrasi kerana ia mengurangkan kos migrasi dan risiko kegagalan.
  - ii. Pemilihan pertempatan migran juga membantu migran bertahan lebih lama di negara destinasi terutamanya jika mereka merancang untuk meringankan kos sara hidup dan meningkatkan sekuriti sosial.
  - iii. Keupayaan migran untuk mengadaptasi dan mengasimilasi dengan budaya di Sabah membantu mereka untuk menyesuaikan diri dengan baik.
  - iv. Keupayaan migran untuk mengurangkan kos sara hidup di Sabah dan membuat simpanan bagi menghantar remiten ke negara asal untuk digunakan kemudian memastikan kejayaan migrasi.
  - v. Penglibatan migran dalam institusi politik dan sosial di Sabah juga merupakan strategi yang penting untuk penerusan hidup terutamanya jika migran berkeinginan untuk tinggal lebih lama daripada yang dibenarkan.

# i. Jaringan Kekeluargaan

- Telah diketahui ramai bahawa kebanyakan migran Indonesia yang datang ke Sabah dibantu oleh sistem jaringan yang sangat teratur dan telah lama wujud (Hugo, 1993, Kassim, 2002, Eki, 2002, Johari & Goddos, 2003).
- Fungsi jaringan tersebut dalam membantu migran baru amat penting kerana ia “acts as conduits to channel new movers in an atmosphere of certainty” (Hugo, 1995.p.288)
- Rakan senegara dan keluarga/saudara mara yang berada di Sabah terutamanya migran generasi awal yang telah mendapat status warganegara Malaysia atau penduduk tetap biasanya memberi maklumat tentang prospek pekerjaan dan pendapatan sebelum penghijrahan, menawarkan tempat tinggal sementara apabila migran baru tiba dan perlindungan daripada pihak berkuasa.

# Rajah 3: Antara Individu yang Memberi Maklumat Pekerjaan kepada Pekerja Indonesia di Sabah

Sumber: ILMS Survey 2010



## ii. Pertempatan Migran

- Memilih tempat tinggal yang sesuai merupakan strategi kelangsungan hidup yang penting di kalangan migran baru.
- Di antara pertempatan setingan yang dikenali ramai di Sabah ialah Kampung Ice Box (Tawau), Kampung BDC (Sandakan), Kampung Lembaga Padi and Pulau Gaya (Kota Kinabalu).
- Banyak kajian mendapati “Kampung Air” sering dipilih oleh migran baru kerana menyediakan tempat tinggal (Azizah, 2004), sekuriti dan environmen budaya dan etnik yang hampir sama (Hassan & Dollah,2005,2011).
- Lokasi Kampung Air di kawasan perairan pantai cetek menyebabkan bot kecil yang sering membawa migran asing tidak sah mudah berlabuh untuk mengelak daripada pihak berkuasa.
- Sistem jaringan memainkan peranan penting dalam mengatur pertempatan sementara migran yang baru tiba. Kampung Air merupakan batu loncatan bagi migran baru sekurang kurangnya sehingga mereka mendapat pekerjaan dan tempat tinggal.

### Jadual 3: Individu yang Membantu Menguruskan Tempat Tinggal Sementara untuk Migran yang Baru Tiba

Sumber: ILMS Survey 2010

	Bilangan	Peratusan
• Keluarga/Saudara mara di Sabah	459	51.2
• Rakan senegara di Sabah	152	17.0
• Majikan	145	16.2
• Agen	88	9.8
• Sendiri	44	4.9
• Lain lain	8	0.9
<b>Total</b>	<b>896</b>	<b>100.0</b>


### iii. Adaptasi dan Asimilasi Budaya

- Budaya, etnik, bahasa dan agama yang hampir sama adalah di antara faktor penggalak migran Indonesia datang bekerja di Sabah. Berasal daripada rumpun yang sama dalam Dunia Melayu, kebanyakan migran Indonesia tidak mengalami kesukaran mengadaptasi dan mengasimilasi dengan penduduk tempatan.
- Dalam membincangkan tentang kecenderungan wanita Indonesia yang berhijrah ke Malaysia mendapat status penduduk tetap berbanding dengan mereka yang berhijrah ke negara Timur Tengah, Hugo (1995,p.282) berpendapat bahawa “ethnic and language similarity of most Indonesians and Malays, and less strict government attitude to such settlement” adalah di antara faktor penyebab.
- Berkahwin dengan penduduk tempatan merupakan salah satu daripada strategi kelangsungan hidup migran Indonesia yang mengambil kesempatan ke atas persamaan ini.



# Rajah 4: Taburan Pekerja Indonesia mengikut Etnik

Sumber: ILMS Survey 2010



- 'Historical root' dan sistem jaringan yang telah terbina sekian lama adalah antara faktor yang mempengaruhi penumpuan sesuatu kumpulan etnik di kawasan yang sama terutama di daerah-daerah di negeri Sabah.
- Suraya Sintang (2007) dan Bahron (2007) menghuraikan tentang kehadiran generasi awal migran Bugis yang memperkukuh masyarakat mereka dengan perkahwinan dengan penduduk tempatan atau pendatang awal, dan menunjukkan dominasi mereka melalui budaya, agama, ekonomi dan kepimpinan dalam komuniti di Tawau.
- Sebahagian besar generasi awal migran Indonesia, dalam kes ini, dari etnik Bugis yang telah melalui proses asimilasi dan naturalisasi kini telah menjadi rakyat Malaysia. Kebanyakan daripada mereka membantu migran baru yang datang dari tempat asal mereka.

# iv: Kelangsungan Ekonomi

- Oleh kerana kebanyakan pekerja warga Indonesia di Malaysia bersifat sementara, mereka akan bekerja keras untuk mendapatkan wang sebanyak mungkin dan mengamalkan sifat berjimat cermat di negara destinasi.
- In-depth interview mendapati bahawa untuk memperkukuhkan ekonomi, pasangan dan anak-anak migran bekerja dalam sektor informal sebagai peniaga kecil.
- 'Pasar Rombengan' yang banyak terdapat di Kampung Air dan komuniti migran menjual barangan kegunaan harian dengan harga yang murah membantu mengurangi kos perbelanjaan harian migran (Hasan & Dollah, 2004).
- Untuk menjimatkan kos perbelanjaan bulanan mereka sanggup berkongsi tempat tinggal yang sesak dan belanja runcit.

# v: Penglibatan dalam Institusi Sosial and Politik

- Penglibatan migran dalam institusi sosial and politik di kawasan tempat tinggal membantu mereka mengadaptasi dengan lebih baik.
- Institusi sosial seperti Persatuan Bugis and Suluk menjaga kebajikan migran. Keahlian menyatukan dan menanamkan sifat kepunyaan serta membantu migran mengatasi masalah tekanan emosi semasa berada di luar negara.
- Menjalinkan hubungan yang baik dengan ketua kampung dan menunjukkan sokongan dalam aktiviti masyarakat memberi manfaat kepada migran terutamanya untuk menyelesaikan masalah berkaitan persekolahan anak anak, pekerjaan dan keinginan untuk menetap.
- Penglibatan dalam institusi politik, migran mengambil peluang ini untuk membina hubungan baik dengan ahli politik dengan menunjukkan sokongan mereka.

# Impak ke atas Perkhidmatan

- Walaupun pengambilan pekerja asing dilihat sebagai langkah jangka masa pendek untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh, kepergantungan terhadap buruh asing mungkin akan terus kekal di Malaysia.
- Menteri Sumber Manusia, Fong Chan Onn menyatakan, “Malaysia aspires to be completely independent of foreign workers but the hard reality is that the process of transition from a labour intensive economy to a tech-intensive economy, we need a period of adjustment” (Migration News, 2002).
- Semasa berada di dalam tempoh penyesuaian pekerja asing terus memberi sumbangan dalam mengekalkan ekonomi dan menjana pendapatan negara. Oleh yang demikian, satu sistem pengurusan yang baik dalam aspek perumahan, perkhidmatan kesihatan dan kemudahan pendidikan harus diberi perhatian dengan kehadiran migran di Sabah.
- Kemasukan pekerja Indonesia secara besar besaran ke Sabah harus diberi perhatian serius terutamanya apabila kebanyakan daripada mereka membawa bersama keluarga. Kehadiran dependen pastinya memberi impak terutamanya kepada perkhidmatan sosial seperti kesihatan dan pendidikan.

# i. Perkhidmatan Kesihatan

- Isu utama yang sering diperkatakan berkaitan dengan kehadiran migran asing ialah penggunaan perkhidmatan kesihatan dan penyebaran penyakit berjangkit.
- Jumlah peratus pesakit luar, pesakit dalam dan kelahiran warga asing, di hospital kerajaan di Sabah (1998-2000) amat membimbangkan.
- Sejak tahun 2000, peratusan pesakit warga asing telah bertambah bilangannya selari dengan pertambahan jumlah migran di Sabah terutama di kawasan yang menjadi tumpuan pekerja asing.
- Hasil kajian ini memberi implikasi kepada keperluan kerajaan negeri untuk mengambil kira populasi warga asing dalam perancangan dan bajet perkhidmatan kesihatan bagi mengurangi beban yang dipikul oleh kakitangan perubatan dan memastikan kapasiti kemudahan hospital kerajaan selaras dengan pertambahan bilangan pesakit.

# Jadual 4: Frekuensi responden yang menggunakan hospital kerajaan/klinik mengikut status famili


Sumber: ILMS Survey 2010

Status Famili	Frekuensi menggunakan hospital kerajaan/klinik						Jumlah
	Sekali seminggu	2 kali seminggu	Sekali sebulan	Beberapa kali sebulan	Setahun sekali	Lain lain	
Famili di Sabah	5	13	95	112	79	39	343
Famili ditinggalkan	0	2	9	10	14	5	40
Famili di Sabah & Indonesia	4	1	33	40	37	25	140
Bercerai/Kematian pasangan (tanpa anak)	0	0	0	0	2	1	3
Belum berkahwin (tanpa anak)	2	0	23	32	22	9	88
<b>Jumlah</b>	<b>11</b>	<b>16</b>	<b>160</b>	<b>194</b>	<b>154</b>	<b>79</b>	<b>614</b>

# Pesakit Dalam

Rajah 5: Bilangan pesakit dalam di hospital kerajaan terpilih di Sabah

Sumber: Kementerian kesihatan Sabah 2010





# Kelahiran

## Jadual 6: Bilangan responden yang mempunyai anak lahir di Sabah

Sumber: ILMS Survey 2010

Status famili	Bilangan responden yang mempunyai anak lahir di Sabah:		
	Hospital Kerajaan	Hospital Swasta	Rumah
Famili di Sabah	141	14	248
Famili ditinggalkan	6	2	6
Famili di Sabah & Indonesia	42	4	94
<b>Total</b>	<b>189</b>	<b>20</b>	<b>348</b>

## Jadual 7: Bilangan Anak Responden yang Lahir di Sabah


Sumber: ILMS Survey 2010

<b>Status Famili</b>	<b>Bilangan anak responden yang lahir di Sabah:</b>		
	<b>Hospital kerajaan</b>	<b>Hospital Swasta</b>	<b>Rumah</b>
Famili di Sabah	254	35	565
Famili ditinggalkan	9	3	11
Famili di Sabah & Indonesia	67	9	219
<b>Jumlah</b>	<b>330</b>	<b>47</b>	<b>795</b>

# Kelahiran

## Rajah 6: Bilangan Kelahiran warga asing di hospital kerajaan terpilih in Sabah

Sumber: Kementerian Kesihatan Sabah 2000-2010



## ii. Pendidikan

- Hubungan di antara pendidikan dan kadar kelahiran mesti diberi perhatian sekiranya anak anak migran terus menetap di Sabah.
- Pendidikan membentuk generasi akan datang . Jika anak anak migran menjadi sebahagian daripada rakyat Malaysia, masa depan masyarakat di Sabah pasti menerima kesannya.
- Menyedari kesan jangka masa panjang pendidikan kepada generasi akan datang, satu polisi yang membenarkan anak anak migran menerima pendidikan formal berkuatkuasa sehingga 2004.
- Perkembangan terbaru menampakkan pewujudan sekolah rendah di ladang ladang oleh majikan. Walau bagaimana pun, usaha ke arah penyediaan pendidikan formal peringkat menengah masih terlalu sedikit di Sabah.

# Jadual 8: Bilangan Anak Anak Indonesia yang Menerima Pendidikan di Sabah mengikut Tahap Pendidikan dan Jenis Sekolah 2000-2010

Sumber: Education Department, Sabah 2011

		Year										
		2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
Sekolah kerajaan	Rendah	9953	9007	7111	2406	1640	1448	684	283	163	137	122
	Menengah	1489	1240	1185	586	316	253	185	156	152	93	52
	Jumlah	11442	10247	8296	2992	1956	1701	869	439	315	230	174
Sekolah NGO/ Indonesia	Humana							3756	6972	7137	8007	9139

## Jadual 9: Bilangan Guru di Sekolah NGO/Indonesia di Sabah mengikut Daerah dan Warganegara 2006-2010

Sumber: Education Department, Sabah 2011

Daerah	2006		2007		2008		2009		2010	
	INA*	NON#	INA*	NON#	INA*	NON#	INA*	NON#	INA*	NON#
Lahad Datu	7	11	14	22	10	23	19	30	25	30
Tawau	8	14	9	15	13	30	21	46	29	46
Kinabatangan	26	29	28	30	23	23	21	45	27	45
Sandakan	14	11	13	8	12	23	15	33	28	33
Jumlah Guru	55	65	64	75	58	99	76	154	109	154

INA\* Guru Indonesia

NON# Guru Bukan Indonesia

# Isu Dan cabaran

- Pertumbuhan dan perkembangan ekonomi Sabah akan membawa kepada keperluan tenaga kerja asing yang berpanjangan. Oleh itu, perlu ada pelan jangka masa panjang dan polisi bagi pengambilan dan pengurusan tenaga kerja asing. Walau bagaimana pun, polisi yang ada sekarang adalah berasaskan pengambilan pekerja asing untuk jangka masa pendek.
- Pelan pembangunan negeri Sabah contohnya perkhidmatan kesihatan dan pendidikan seharusnya sejajar dengan perubahan penduduk. Ia perlu merangkumi dan mengambil kira kehadiran warga asing bersama dependen agar penduduk tempatan tidak dibebani oleh kesan 'spill over'.
- Pihak berkuasa harus melihat isu migran atau pekerja asing secara terbuka agar polisi dan pelaksanaannya dapat berjalan seperti yang dirancang dan berkesan dalam menguruskan migran dan pekerja asing di Sabah.

# Kesimpulan

- Negeri Sabah memerlukan masa yang agak lama untuk menjadi ekonomi berteknologi intensif. Ketika ini, jelas sekali Sabah amat memerlukan tenaga kerja asing berkemahiran rendah dalam sektor kritikal. Kemasukan migran Indonesia dijangka akan berterusan selari dengan pertumbuhan ekonomi negeri Sabah yang berasaskan pertanian.
- Adalah penting bagi kerajaan negeri Sabah untuk mengambil kira penduduk warga asing dalam perancangan pembangunan negeri.
- Pengurusan dan polisi pengambilan pekerja warga asing harus selari dengan perancangan/Halatuju negeri. Perlaksanaan polisi tersebut harus konsisten supaya memberi manfaat kepada kerajaan negeri dan penduduk tempatan. Oleh itu perlu ada pengurusan migran yang efisien.



**TERIMA KASIH**